



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/10/01_69 (HQ)

TNB SIMPATI DENGAN KELUARGA MANGSA RENJATAN ELEKTRIK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa atas kehilangan dua anak lelaki berusia 10 dan 9 tahun, yang disyaki terkena renjatan elektrik di perkarangan rumah mereka di Kampung Teras Jernang, Kajang petang semalam.

Susulan kejadian itu TNB telah menghantar wakil menziarahi keluarga mangsa dan amat bersimpati atas kejadian menimpa kedua beradik yang dilaporkan sedang bermain air semasa terkena renjatan daripada kebocoran arus.

TNB dan Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang menyiasat kejadian tersebut. Siasatan awal bagaimanapun mendapati tidak berlaku talian yang terputus daripada tiang TNB dan menimpa bumbung rumah mangsa seperti dakwaan pihak tertentu.

Justeru, TNB meminta kerjasama orang ramai agar tidak membuat spekulasi mengenai punca kejadian sehingga siasatan selesai sepenuhnya dan sebagai menghormati keluarga mangsa.

Wakil TNB telah menziarahi keluarga mangsa dan turut menyerahkan sumbangan ehsan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Oktober 2022, jam 4.45 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Pegawai TNB bersama keluarga mangsa